

**SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (BEJ),  
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA.**

**LEPASAN DIPLOMA**

**SYARAT AM UNIVERSITI**

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian (GRED C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian (GRED C) Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (SPM 2013 dan ke atas) dalam peperiksaan SPM.

**dan**

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

**SYARAT KHAS PROGRAM**

Memiliki Diploma dalam bidang Kejuruteraan yang berkaitan dari Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya **dalam bidang kejuruteraan berkaitan** oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti dengan mendapat sekurang-kurangnya Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK) 2.50.

**ATAU**

Calon-calon yang tidak memenuhi syarat CPA/PNGK di atas tetapi mendapat sekurang-kurangnya CPA/PNGK 2.30 dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang yang berkaitan boleh dipertimbangkan.

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

**dan**

Calon TIDAK buta warna dan TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## **LEPASAN MATRIKULASI KPM**

### **SYARAT AM UNIVERSITI**

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian (GRED C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian (GRED C) Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (SPM 2013 dan ke atas) dalam peperiksaan SPM.

**dan**

Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi Undang-Undang dengan sekurang-kurangnya mendapat PNGK 2.00;

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

### **SYARAT KHAS PROGRAM**

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) pada peringkat Matrikulasi dalam mata pelajaran berikut;

- Mathematics
- Engineering Physics / Engineering Chemistry
- Electrical and Electronic Engineering Studies / Basic Engineering

**ATAU**

- Mathematics
- Physics; dan
- Chemistry

**ATAU**

- Mathematics
- Chemistry; dan
- Biology dan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Physics di peringkat SPM.

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

**dan**

Calon TIDAK buta warna dan TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## **LEPASAN STPM**

### **SYARAT AM UNIVERSITI**

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian (GRED C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian (GRED C) Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (SPM 2013 dan ke atas) dalam peperiksaan SPM.

**dan**

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang- kurangnya:

- Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

### **SYARAT KHAS PROGRAM**

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:

- Mathematics T
- Physics dan
- Chemistry

**ATAU**

- Mathematics T
- Chemistry dan
- Biology dan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Physics di peringkat SPM

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian Universiti English Test (MUET).

**dan**

Calon TIDAK buta warna dan TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali